

Pemuda Jerantut ikrar sokong Najib

JERANTUT, Isnin — Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Jerantut berikrar berdiri teguh di belakang Datuk Najib Tun Razak, Menteri Besar Pahang yang baru.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian, Encik Ahmad Bazain Mahmud berkata, Pemuda UMNO yakin Datuk Najib akan memperlihatkan ketokohnya sebagai pemimpin berkaliiber dan boleh mencapai taraf kepimpinan seperti Al-

lahyarham Tun Razak.

Sebagai tugas akhirnya selaku Ketua Pergerakan Pemuda, Encik Ahmad Bazain diberi penghormatan merasmikan mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian ke-6 di sini.

Beliau berharap agar Pemuda sentiasa bertugas sebagai sayap kanan parti dan menghormati serta berdiri teguh di belakang Menteri Besar.

Katanya, perlantikan Datuk Najib kena pada tempatnya kerana negeri Pahang memerlukan

pemimpin yang akan mewujudkan pembangunan sama ada di segi ekonomi atau sosial.

Mengenal mesyuarat perwakilan, Encik Ahmad Bazain mengingatkan, mesyuarat mempunyai kedudukan paling tinggi dalam parti dan apa jua keputusan dalam mesyuarat itu mesti dipatuhi.

"Mesyuarat seperti ini merupakan gelanggang bagi mempererat kedudukan pemuda dan jika sebarang keputusan tidak dihormati, ia adalah satu pengkhianatan," tegasnya.

Beliau berharap Pemuda UMNO akan memberikan kerjasama pada ketua barunya supaya ahli-ahli UMNO memilih seorang tokoh yang boleh memperjuang UMNO dan mempertahankan maruah Melayu.

Beliau mengingatkan wawasan Pemuda UMNO supaya jangan memburukkan orang lain hanya untuk memilih calon ketua yang disukai saja sebaliknya pilihlah ketua yang dipersetujui oleh semua ahli Pemuda.